

Khamis, Feb 15 2018

Cyberjaya dilengkapi 5G tarik pelabur

UTUSAN 15/2

PUTRAJAYA 14 Feb. - Cyberjaya bakal dilengkapi dengan teknologi Generasi 5 (5G) bagi menarik kehadiran lebih banyak pelabur asing dan tempatan melabur di sini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, sebagai sebuah kawasan yang memegang status bandar pintar, kemudahan kelas pertama dan terbaik itu perlu disediakan.

"Sekarang di Cyberjaya masih menggunakan teknologi 4G tetapi dengan penggunaan 5G capaian terhadap internet akan menjadi lebih pantas sekali gus dapat menarik minat pelabur luar.

"Sebelum sesuatu pelaburan dibuat, pelabur akan bertanya mengenai kapasiti internet, kepantasan dan kos. Sekiranya kita tidak turunkan harga dan meningkatkan kepantasan internet, pelabur tidak akan datang ke sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama sempena pelaksanaan Inisiatif Kawal Selia Sandbox Kebangsaan di sini hari ini.

tersebut, katanya, sebagai permulaan, Unit Strategi Nasional (NSU) Kementerian Kewangan bersama Futurise Centre@Cyberview serta Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (Magic) akan bertanggungjawab menjayakannya.

Beliau berkata, langkah itu dibuat bagi membolehkan pemain industri dan pihak pengawal selia berbincang mengenai keperluan penyesuaian peraturan dan garis panduan baharu.

"Bagi menarik kehadiran pelabur dan usahawan muda untuk memulakan perniagaan, setiap peraturan perniagaan mesti sesuai dan kondusif. Kadang-kala pihak pengawal selia lambat untuk memperkenalkan sesuatu peraturan sehingga menyebabkan pihak industri tidak boleh beroperasi.

"Keadaan ini dapat dilihat apabila perkhidmatan Uber masuk ke negara ini, ia mengambil masa setahun untuk sebuah peraturan digubal. Untuk masa hadapan lebih banyak teknologi akan diperkenalkan seperti kereta tanpa pemandu, penggunaan robot dalam pe-

Menurut Mohd. Irwan, bagi menyokong ke arah pelaksanaan teknologi itu, pihaknya akan mengumumkan kerjasama dengan sebuah syarikat bertaraf multinasional pada minggu hadapan.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai pelaksanaan inisiatif

penggunaan robot dalam perubatan, perkhidmatan dron untuk mengangkut barang dan sebagainya,” kata beliau.

Berikutan itu, katanya, pihak terlibat perlu lebih pantas memperkenalkan peraturan dan undang-undang berkaitan bagi membolehkan teknologi dan inovasi tersebut beroperasi.



Sekarang di Cyberjaya masih menggunakan teknologi 4G tetapi dengan penggunaan 5G capaian terhadap internet akan menjadi lebih pantas sekali gus dapat menarik minat pelabur luar.”

**MOHD. IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan